



UNIT PEMODEGAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN  
MALAYSIA (MAMPU)

RINGKASAN EKSEKUTIF

# PELAN STRATEGIK ICT

MAJLIS PERBANDARAN JASIN  
2019-2023





UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN  
MALAYSIA (MAMPU)

## RINGKASAN EKSEKUTIF

# PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) MAJLIS PERBANDARAN JASIN 2019 – 2023

MELAKA BERWIBAWA  
PINTAR HIJAU BERSIH  
MPJ PRIHATIN DIHATIKU

**Dengan Kerjasama**

Unit Permodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Jabatan Ketua Menteri Melaka

**Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

**Diterbitkan Oleh:**

Jabatan Teknologi Maklumat

Majlis Perbandaran Jasin

Vista Alamanda,

77000 Jasin

Melaka

# KANDUNGAN

PERUTUSAN YANG DIPERTUA .....	1
1. PENGENALAN .....	3
2. CARTA ORGANISASI PROJEK .....	4
3. SKOP .....	5
4. METODOLOGI PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT.....	5
5. VISI DAN MISI .....	6
6. TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF TERAS STRATEGIK ICT.....	7
7. PENJAJARAN STRATEGI ICT DENGAN STRATEGI MAJLIS PERBANDARAN JASIN .....	9
8. PEMETAAN TERAS STRATEGIK ICT MAJLIS PERBANDARAN JASIN DENGAN TERAS STRATEGIK PSICT SEKTOR AWAM .....	10
9. STRATEGI DAN PROGRAM ICT .....	11
10. PELAN TINDAKAN.....	12
11. PELAN PELAKSANAAN .....	17
12. PENUTUP.....	18

## PERUTUSAN YANG DIPERTUA




Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya Pelan Strategik ICT (PSICT) MPJ 2019-2023 dapat dihasilkan dengan jayanya.

Pelan Strategik ini merupakan sumber rujukan utama yang menetapkan hala tuju MPJ dalam tempoh lima (5) tahun akan datang dan menggariskan rangka tindakan strategik untuk pelaksanaan dasar serta perancangan program di MPJ.

Kini, ekspektasi pelanggan yang tidak terhad sentiasa memerlukan MPJ melaksanakan transformasi bagi menjamin sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien. Perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah banyak membantu dalam merealisasikan penyampaian perkhidmatan jabatan menerusi infrastruktur ICT, portal jabatan, sistem maklumat, sistem emel dan juga keselamatan siber.

Saya percaya dengan adanya Pelan Strategik ICT (PSICT) 2019-2023 ini, pengurusan dan perancangan ICT dapat dilaksanakan dengan efektif serta efisien dalam membantu MPJ meningkatkan penyampaian perkhidmatan sejajar dengan visi dan misi jabatan. Akhir kata, sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam merangka, membangunkan P SICT ini sehingga berjaya diterbitkan.



## 1. PENGENALAN


Pembangunan PSICT Majlis Perbandaran Jasin 2019-2023 memberikan hala tuju strategik ICT dan rangka kerja yang diperlukan untuk meningkatkan sistem perkhidmatan elektronik yang menuju ke arah perkhidmatan awam yang lebih cekap, meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan strategi perkhidmatan di Majlis Perbandaran Jasin.

PSICT Majlis Perbandaran Jasin 2019-2023 ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan semasa serta sejajar dengan Dasar Pembangunan Negeri Melaka yang melibatkan misi Dasar Gaya Hidup Digital dalam Bandar Pintar untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai peneraju pembudayaan penggunaan teknologi ICT dalam kehidupan seharian.

Pembangunan PSICT KNM 2019-2023 ini mengambil masa selama sebelas bulan bermula Januari 2018 sehingga November 2018 untuk digubal sepenuhnya dengan khidmat rundingan daripada Pasukan Perunding ICT Sektor Awam, MAMPU dengan kerjasama Jabatan Ketua Menteri Melaka. Sebagai rujukan utama perancangan strategik ICT Majlis Perbandaran Jasin, dokumen PSICT mengandungi hala tuju, strategi dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan ICT Majlis Perbandaran Jasin.

## 2. CARTA ORGANISASI PROJEK

Satu pasukan kerja telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSICT ini dapat dilaksanakan dengan jayanya bersama-sama jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Melaka. Carta organisasi projek yang telah diluluskan adalah seperti di **Rajah 1**.



### 3. SKOP

- Pembangunan PSICT Majlis Perbandaran Jasin 2019-2023 dilaksanakan berdasarkan keperluan ICT yang merangkumi empat bidang seperti berikut:
- (i) Infrastruktur ICT (Pusat Data, Rangkaian, Keselamatan dan Peralatan);
  - (ii) Sistem Aplikasi;
  - (iii) Keupayaan ICT; dan
  - (iv) Tadbir Urus ICT

### 4. METODOLOGI PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT

Metodologi pembangunan PSICT yang digunakan adalah metodologi Analisis, Strategi ICT dan Formula (ASF) seperti di **Rajah 2**. Aktiviti utama adalah seperti berikut:

- (i) Analisis persekitaran semasa - bisnes dan ICT;
- (ii) Membangunkan hala tuju strategik ICT;
- (iii) Membangunkan pelan pelaksanaan ICT; dan
- (iv) Menyedia dokumen PSICT.



Rajah 2: Metadologi ASF

## 5. VISI DAN MISI

### VISI BISNES

- Jasin Ke Arah Perbandaran Lestari, Selamat dan Sejahtera

### MISI BISNES

- Komited Untuk Memberikan Perkhidmatan Yang Terbaik, Berkualiti, Integriti Dan Kompeten

### VISI ICT

- Menjadi Sebuah Organisasi Yang Unggul Melalui Pemerkasaan Persekutuan ICT Yang Lebih Berkualiti dan Kondusif

### MISI ICT

- Mengoptimamkan Budaya Inovasi Digital Ke Arah Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan
- Membangunkan Pasukan Kerja Yang Lebih Kompeten Bagi Meningkatkan Kualiti Kerja Yang Efektif Dan Berdaya Saing

Rajah 3 : Visi dan Misi Majlis Perbandaran Jasin

## 6. TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF TERAS STRATEGIK ICT

- Majlis Perbandaran Jasin telah menetapkan empat teras strategik ICT untuk memacu hala tuju ICT sebagaimana yang ditetapkan menerusi Visi dan Misi ICT Majlis Perbandaran Jasin. Teras Strategik ICT adalah seperti di **Rajah 4**, manakala objektif bagi setiap teras strategik adalah seperti di **Rajah 5**.



Rajah 4 : Teras Strategik ICT Majlis Perbandaran Jasin

#### **TERAS STRATEGIK 1 - PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT**

- 1) Memperkuuhkan prestasi infrastruktur ICT bagi menjamin kesinambungan sistem penyampaian perkhidmatan secara lebih efisien dan efektif
- 2) Memantapkan keselamatan infrastruktur ICT bagi menyediakan persekitaran digital yang selamat

#### **TERAS STRATEGIK 2 - PEMERKASAAN APLIKASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

- 1) Membangun dan meningkatkan aplikasi digital yang selamat bagi memastikan kebolehcapaian serta kebolehpercayaan maklumat
- 2) Meningkatkan inisiatif perkongsian pintar selaras dengan amalan teknologi hijau bagi menyokong ekspektasi pengurusan

#### **TERAS STRATEGIK 3 - PENGUKUHAN KEUPAYAAN ICT DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

- 1) Meningkatkan kompetensi bagi melahirkan warga yang berpengetahuan dan berkemahiran
- 2) Membudayakan ICT secara berterusan bagi mewujudkan warga yang kreatif dan inovatif


#### **TERAS STRATEGIK 4 - PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT**

- 1) Memperkuuhkan dasar, polisi dan struktur organisasi ICT ke arah perkhidmatan ICT yang efisien
- 2) Mempertingkatkan mekanisme tadbir secara holistik yang bersistematis bagi menyokong keperluan pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)

**Rajah 5 : Objektif Bagi Setiap Teras Strategik Majlis Perbandaran Jasin**

## 7. PENJAJARAN STRATEGI ICT DENGAN STRATEGI MAJLIS PERBANDARAN JASIN


- Hubungan di antara Teras Strategik ICT dengan Teras Strategik Majlis Perbandaran Jasin disesuaikan seperti dalam **Rajah 6**.



Rajah 6 : Penjajaran Teras Strategik Majlis Perbandaran Jasin dengan Teras Strategik ICT Majlis Perbandaran Jasin

## 8. PEMETAAN TERAS STRATEGIK ICT MAJLIS PERBANDARAN JASIN DENGAN TERAS STRATEGIK PSICT SEKTOR AWAM

- Penajaran Teras Strategik ICT Majlis Perbandaran Jasin kepada Teras Strategik Pelan Strategik ICT Sektor Awam adalah seperti di **Rajah 7** berikut:



Rajah 7 : Penajaran Teras Strategik ICT Majlis Perbandaran Jasin Kepada Teras Strategik PSICT Sektor Awam

## 9. STRATEGI DAN PROGRAM ICT

Berpandukan empat teras strategik ICT yang dibentuk, sebanyak 13 strategi dan 21 program ICT telah dikenal pasti. Strategi ini adalah selari dengan perancangan pelaksanaan ICT untuk mengatasi isu ICT semasa dan pemacu ke arah kecemerlangan sistem penyampaian Majlis Perbandaran Jasin berteraskan ICT. Strategi ICT mengikut teras adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1 : Strategi ICT Mengikut Teras**

Teras Strategik	Strategi ICT	Bilangan Program
Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT	1. Pemantapan Infrastruktur ICT	1
	2. Pengwujudan Kaedah Cloud Pengukuhan Pusat Data dan Keselamatan ICT	1
	3. Pemantapan Sistem Keselamatan ICT	3
	4. Pemantapan Pusat Data dan Rangkaian	2
Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan	1. Pemerkasaan Aplikasi Sedia Ada	3
	2. Pengintegrasian Aplikasi	1
	3. Pembangunan Aplikasi Baharu	4
Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan	1. Pemantapan Kompetensi ICT	4
	2. Pembudayaan ICT Warga MPJ	2
	3. Pembudayaan ICT Komuniti MPJ	1
	4. Pemantapan Pembudayaan Kreatif dan Inovatif	1
Pengukuhan Tadbir Urus ICT	1. Pengukuhan organisasi ICT	1
	2. Pengukuhan Polisi, Prosedur serta Jawatankuasa ICT	3

## 10.PELAN TINDAKAN

**Jadual 2 : Program dan Petunjuk Prestasi Utama MPJ bagi Teras Infrastruktur**

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
Teras Strategik 1: Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT		
Pemantapan Infrastruktur ICT	Penaiktarafan perkakasan ICT	<u>Dis 2019</u> Pembelian •41 buah komputer <u>Dis 2020</u> Pembelian •29 buah komputer <u>Dis 2022</u> Pembelian •11 buah komputer riba •40 buah komputer
Pengwujudan Kaedah Cloud	Pelaksanaan e-mel dan portal menggunakan <i>cloud</i>	<u>Dis 2019</u> Kaedah <i>cloud</i> telah dilaksanakan
Pemantapan Sistem Keselamatan ICT	Pengujian keselamatan rangkaian dan aset ICT  Naik taraf sistem keselamatan ICT <ul style="list-style-type: none"> <li>• IPS</li> <li>• <i>Firewall</i></li> <li>• <i>Content filtering</i></li> <li>• <i>Antivirus</i></li> </ul>	<u>Dis 2019</u> Pengujian keselamatan rangkaian dan aset ICT telah dilaksanakan  <u>Setiap 2 tahun</u> Sekali pemantauan dilakukan
	Pewujudan DRP	<u>Dis 2021</u> DRP telah disediakan
Pemantapan Pusat Data dan Rangkaian	Naik taraf infrastruktur pusat data <ul style="list-style-type: none"> <li>• Server</li> <li>• Rangkaian</li> <li>• Firewall / IPS</li> </ul>	<u>Dis 2022</u> Infrastruktur pusat data dinaiktaraf
	Naik taraf capaian Internet kepada 30Mbps	<u>Dis 2021</u> Capaian internet 30Mbps dinaik taraf

### Jadual 3: Program dan Petunjuk Prestasi Utama bagi Teras Aplikasi

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
<b>Teras Strategik 2: Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan</b>		
Pemerkasaan Aplikasi Sedia Ada	Naik Taraf Sistem ePBT Versi Web 2.0	<p><b><u>Dis 2019</u></b>            Modul Sistem ePBT Versi Web 2.0 sedia digunakan</p>
	Naik Taraf modul <i>backup</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• eKompaun</li> <li>• Penilaian</li> </ul>	<p><b><u>Jun 2019</u></b>            Modul <i>backup</i> Sistem eKompaun sedia digunakan</p> <p><b><u>Jun 2020</u></b>            Modul <i>backup</i> Sistem Penilaian sedia digunakan</p>
	Pembersihan Data Modul Perlesenan Sistem ePBT	<p><b><u>Dis 2020</u></b>            Pembersihan data Modul Perlesenan di Sistem ePBT telah dibuat</p>
Pengintegrasian Aplikasi	Pengintegrasian ke dalam sistem ePBT & ePBT Online <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem Penilaian</li> <li>• Sistem eKompaun</li> </ul>	<p><b><u>Jun 2020</u></b>            Integrasi Sistem Penilaian ke Sistem ePBT dilaksanakan</p> <p><b><u>Jun 2019</u></b>            Integrasi Sistem eKompaun ke Sistem ePBT Online dilaksanakan</p>
Pembangunan Aplikasi Baharu	Mobile Smart Reading Data	<p><b><u>Dis 2023</u></b>            Aplikasi mudah alih digunakan</p>

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN/ KPI
	Sistem <i>Filing</i>	<u>Dis 2020</u> Sistem <i>filing</i> sedia digunakan
	Sistem Dashboard	<u>Dis 2021</u> Sistem <i>dashboard</i> sedia digunakan
	Sistem Kehadiran	<u>Dis 2022</u> Sistem kehadiran sedia digunakan

**Jadual 4 : Program dan Petunjuk Prestasi Utama bagi Teras Keupayaan ICT**

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN
<b>Teras Strategik 3: Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan</b>		
Pemantapan Kompetensi ICT	Pelaksanaan latihan bagi pembangunan aplikasi <ul style="list-style-type: none"> <li>• Java Struts &amp; iReport</li> </ul>	<u>Dis 2019</u> Satu (1) latihan Java Struts dan iReport (Beginner) dilaksanakan <u>Dis 2020</u> Satu (1) latihan Java Struts dan iReport (Intermediate) dilaksanakan <u>Dis 2021</u> Satu (1) kali latihan Java Struts dan iReport (Advance) dilaksanakan
	Pelaksanaan latihan bagi kakitangan teknikal ICT <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keselamatan ICT</li> <li>• Penyelenggaraan server dan rangkaian</li> </ul>	<u>Dis 2020</u> Satu (1) kali latihan keselamatan ICT dihadiri <u>Dis 2021</u> Satu (1) kali latihan penyelenggaraan dan rangkaian dihadiri

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN
Pembentukan dan Pengembangan Komuniti MPJ	Pelaksanaan latihan ICT kepada warga <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keselamatan ICT</li> </ul>	<u>Dis 2019</u> Tiga (3) kali latihan diadakan setahun
	Pelaksanaan latihan ICT kepada warga <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Open Office</i></li> <li>• Multimedia/media sosial</li> <li>• <i>Microsoft Office</i></li> </ul>	<u>Dis 2019</u> Tiga (3) latihan diadakan setahun
Pembudayaan ICT Warga MPJ	Pelaksanaan program kesedaran dan pembudayaan ICT kepada warga MPJ <ul style="list-style-type: none"> <li>• Klinik ICT</li> <li>• Taklimat Technology Updates</li> </ul>	<u>Setiap tahun</u> Sekurang-kurangnya satu (1) program setahun
	Penglibatan dalam Program <i>Technology Update</i> bersama agensi luar.	<u>Setiap tahun</u> Penglibatan sekurang-kurangnya 40 orang setahun
Pembudayaan ICT Komuniti MPJ	Penganjuran program ICT bersama <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komuniti</li> <li>• sekolah</li> </ul>	<u>Setiap tahun</u> Sekurang-kurangnya satu (1) program bersama komuniti dan dua (2) program bersama sekolah
Pemantapan Pembudayaan Kreatif dan Inovatif	Penyertaan program inovasi ICT	<u>Dis 2023</u> Sekurang-kurangnya 2 penyertaan

## Jadual 5 : Program dan Prestasi Utama bagi Teras Tadbir Urus

STRATEGI ICT	PROGRAM ICT	SASARAN
<b>Teras Strategik 4 : Pengukuhan Tadbir Urus ICT</b>		
Pengukuhan organisasi ICT	Penstrukturkan semula organisasi Jabatan Teknologi Maklumat	<b><u>Dis 2020</u></b> Satu (1) dokumen permohonan dihantar kepada JPA
Pengukuhan Polisi, Prosedur serta Jawatankuasa ICT	Kajian semula polisi dan prosedur ICT melalui Jawatankuasa ICT	<b><u>Setiap tahun</u></b> Satu (1) kali pembentangan polisi dan prosedur ICT
	Penguatkuasaan Dasar Keselamatan ICT	<b><u>Setiap tahun</u></b> Dua (2) kali audit keselamatan ICT
	Pengwujudan SOP penggunaan aplikasi ICT	<b><u>Dis 2023</u></b> Satu (1) aplikasi ICT baharu mempunyai SOP

## 11. PELAN PELAKSANAAN

Penaiktarafan Perkakasan ICT					
Pelaksanaan Email Dan Portal Menggunakan Cloud					
Pengujian Keselamatan Rangkaian Dan Aset ICT					
Penyerapan Teknologi Terkini Di Dalam Sistem Keselamatan ICT ( IPS, Firewall, Content Filtering, Antivirus )					
		Pengwujudan DRP			
			Naik Taraf Infrastruktur Pusat Data ( Server, Rangkaian, Firewall / IPS )		
			Naik Taraf Capaian Internet Kepada 30Mbps		
Naik Taraf Sistem ePBT Versi Web 2.0					
Naik Taraf Modul Backup ( Sistem Penilaian Dan Sistem eKompaun )					
		Pembersihan Data Modul Perlesenan Sistem ePBT			
Pengintegrasian Ke Dalam Sistem ePBT ( Sistem Penilaian Dan Sistem eKompaun )					
					Mobile Smart Reading Data
		Sistem Filing			
			Sistem Dashboard		
				Sistem Kehadiran	
Pelaksanaan Latihan Bagi Pembangunan Aplikasi ( Java Struts & iReport )					
		Pelaksanaan Latihan Bagi Kakitangan Teknikal ICT ( Keselamatan ICT & Penyelenggaraan Server Dan Rangkaian )			
Pelaksanaan Latihan ICT Kepada Warga ( Keselamatan ICT )					
Pelaksanaan Latihan ICT Kepada Warga ( Open Office, Multimedia / Media Social Dan Microsoft Office )					
Pelaksanaan Program Kesedaran Dan Pembudayaan ICT Kepada Warga MPJ ( Klinik ICT Dan Taklimat Technology Updates )					
Penglibatan Dalam Program Technology Update Bersama Agensi Luar					
Penganjuran Program ICT Bersama ( Komuniti Dan Sekolah )					
Penyertaan Program Inovasi ICT					
Tahun		2019	2020	2021	2022
					2023

Rajah 8: Pelan Pelaksanaan Strategi ICT Majlis Perbandaran Jasin Mengikut Tahun

## 12.PENUTUP

Pelan Strategik ICT Majlis Perbandaran Jasin (2019 – 2023) adalah merupakan satu dokumen *blue-print* bagi Majlis Perbandaran Jasin untuk membangun dan mengoptimumkan penggunaan ICT dalam mencapai hala tuju dan objektif strategiknya.

Pelan strategik ini hendaklah dipantau dari masa ke semasa dan dikaji semula jika perlu. Ini adalah bagi memastikan supaya ICT akan terus menjadi pemangkin kepada Majlis Perbandaran Jasin dalam mencapai hasrat untuk menjadi agensi unggul dalam Pengurusan Kewangan dan Ekonomi Negara.